

- 1 Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang sumber ekonomi?
- Tanah mempunyai mobiliti kegunaan
  - Usahawan memperoleh ganjaran faedah
  - Buruh menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan keluaran
  - Modal ialah alat ciptaan manusia yang digunakan dalam proses pengeluaran
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 2 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran satu syarikat.

Teknik Pengeluaran	Keluaran (unit)	
	Telefon Bimbit	Laptop
X	300	160
Y	120	340

Berapakah kos lepas sekiranya syarikat tersebut menukar teknik pengeluaran daripada X ke Y?

- A 120 unit telefon bimbit  
B 180 unit telefon bimbit  
C 160 unit laptop  
D 220 unit laptop

- 3 Pasangan yang manakah betul?


Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A Apa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan dengan tujuan tiada lebih dalam pasaran
B Berapa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan berdasarkan corak agihan pendapatan
C Bagaimana hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum
D Untuk siapa dikeluarkan	Diselesaikan berdasarkan permintaan masyarakat

- 4 Antara berikut, pasangan yang manakah betul tentang sistem ekonomi kapitalis?

Ciri	Keterangan
I Motif	Memaksimumkan kebajikan masyarakat
II Pilihan	Bebas dengan kawalan pemerintah
III Penentu harga	Kuasa permintaan dan penawaran
IV Pembuat keputusan	Pihak pengeluar dan pengguna

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 5 Rajah 1 menunjukkan perubahan permintaan beras tempatan.



Mengapakah berlaku perubahan keluk  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Harga barang pengganti mahal  
B Kadar cukai pendapatan meningkat  
C Harga dijangka turun pada masa depan  
D Kerajaan memberi bantuan kepada pesawah

- 6 Jadual 1 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (Unit)	Kuantiti Permintaan (Unit)
1	20	60
2	30	50
3	40	40
4	50	30

Jadual 1

Antara berikut, pasangan yang manakah betul?

	Harga (RM)	Penerangan
I	1	lebih permintaan sebanyak 60 unit
II	2	Permintaan akan meningkat
III	3	Harga cenderung tidak berubah
IV	4	Lebih penawaran sebanyak 20 unit

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV





Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Ekonomi K1 Trial Pulau Pinang 2023

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran kenderaan elektrik.

Kerajaan menawarkan insentif dalam bentuk pengecualian cukai langsung dan tidak langsung bagi aktiviti pemasangan atau pengilangan kenderaan elektrik.

Sumber: Ubahsuai astroawani.com  
5 Oktober 2021

Rajah yang manakah betul bagi situasi tersebut?



- 8 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi suatu barang.

Harga(RM)	5	8
Kuantiti Diminta (unit)	20	12

Jadual 2

Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM 5 ke RM8?

- A 0.67  
B 0.94  
C 1.50  
D 1.77

- 9 Jadual 3 menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Barang P	Barang Q
0.6	1.4

Jadual 3

Pasangan yang manakah betul?

Barang	Pernyataan
A P	Keluk permintaan adalah landai
B P	Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
C Q	Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
D Q	Contoh barang ialah barang keperluan

- 10 Antara berikut, apakah faktor cip semikonduktor mempunyai nilai keanjalan harga penawaran yang anjal?

- I Barang tahan lama  
II Mempunyai pelbagai kegunaan  
III Faktor pengeluaran mudah diperolehi  
IV Jumlah firma dalam pasaran adalah banyak

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 11 Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat penyimpan nilai?

- A Puan Fauziah membuat perbandingan harga laptop  
B En Baha mencarum ke akaun KWSP pada setiap bulan  
C Puan Meena membeli subang emas di Kedai Hasleena  
D En Faiz membayar RM 10000 deposit untuk rumah baharu

- 12 Pernyataan yang manakah betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
- Menjaga rizab berkanun
  - Memberi nasihat pelaburan
  - Menghulurkan pendahuluan sementara
  - Menyediakan akaun penjelasan antara bank
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
- 13 Puan Faridah mengarahkan bank untuk membayar premium insurans sebanyak RM 303 pada setiap 28 hari bulan. Apakah kemudahan pembayaran tersebut?
- Draf bank
  - Debit langsung
  - Pindahan kredit
  - Perintah sedia ada
- 14 Puan Safiyya membeli sebuah rumah berharga RM 280 000 dengan berasaskan satu prinsip Perbankan Islam. Apakah prinsip tersebut?
- Takjiri
  - Wadiah
  - Mudharabah
  - Bai Bithaman Ajil
- 15 En Azman seorang jurutera di Syarikat Minyak dan Gas di Miri Sarawak. Beliau memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM 28 000. Antara berikut, apakah faktor beliau memperolehi pendapatan sebanyak itu?
- Saiz firma
  - Jaminan kerja
  - Risiko pekerjaan
  - Kelayakan akademik
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

- 16 Jadual 4 menunjukkan belanjawan peribadi En Navaz bagi tempoh sebulan.

Butiran	RM
Gaji	5 000
Cukai Pendapatan	110
Sewa rumah	800
KWSP	11%
zakat	120
Insurans	150

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib beliau?

- RM 380
- RM 660
- RM 780
- RM 930

- 17 Pasangan yang manakah betul?

	Input berubah	Input tetap
A	Wujud pada tingkat output sifar	Tidak wujud pada tingkat output sifar
B	Kuantiti tidak berubah apabila output berubah	Kuantiti berubah mengikut perubahan output
C	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang	Wujud dalam jangka pendek sahaja
D	Contohnya ialah jentera	Contohnya bahan mentah

- 18 Jadual 5 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Output (unit)	80	86
Jumlah kos (RM)	107	119

Jadual 5

Berapakah kos marginal apabila jumlah ouput bertambah dari 80 unit ke 86 unit?

- 0.50
- 0.75
- 1.38
- 2.00

- 19 Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos Syarikat ABC.

Harga seunit	RM15
Jumlah keluaran	3 000 unit
Upah buruh	RM3 000
Sewa kilang	RM2 500
Bil elektrik dan air	RM 250

Berapakah untung syarikat tersebut?

- A RM 39 250  
B RM 39 500  
C RM 41 750  
D RM 42 000

- 20 Jadual 6 menunjukkan kos pengeluaran satu barang.

Butiran	RM
Kos purata	5
Kos tetap	90
Kos berubah	130

Jadual 6

Berapakah jumlah output?

- A 18 unit  
B 26 unit  
C 40 unit  
D 44 unit

- 21 Jadual 7 menunjukkan Indeks Harga Pengguna di Malaysia pada tahun 2021.

Bulan	Indeks Harga Pengguna
Julai	1.9
Ogos	2.0
September	2.2
Oktober	2.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022  
Jadual 7

Apakah kesan tersebut terhadap ekonomi negara?

- A Pendapatan boleh guna berkurang  
B Kadar faedah menurun  
C Harga eksport murah  
D Tabungan jatuh

- 22 Apakah cara untuk mengawal inflasi?  
A Dasar kewangan mengembang  
B Gaji kakitangan kerajaan meningkat  
C Membina jambatan Pulau Pinang ketiga  
D Kadar cukai pendapatan individu dinaikkan

- 23 Apakah kesan pengangguran terhadap ekonomi negara?  
A Berlaku kemiskinan  
B Taraf hidup menurun  
C Kehilangan kemahiran  
D Wujud masalah keluarga

- 24 Pasangan yang manakah betul?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Pengembangan ruang pejabat	Membina bangunan sekolah
B	Pembinaan infrastruktur ICT	Penyelenggaraan jalan raya
C	Serahan kepada Kerajaan negeri	Membeli peralatan pertahanan
D	Pemberian diskaun penggunaan elektrik	Pembaikan bangunan Balai Bomba

- 25 Pasangan yang manakah betul?

	Dasar	Keterangan
A	Dasar kewangan mengembang	Meningkatkan kadar cukai
B	Dasar kewangan mengembang	Membeli surat jaminan Kerajaan
C	Dasar kewangan menguncup	Menurunkan nisbah rizab berkanun
D	Dasar kewangan menguncup	Melonggarkan syarat sewa beli

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sekatan perdagangan antarabangsa di sebuah negara.

Sekatan perdagangan terhadap jumlah barang yang boleh diimport dalam suatu jangka masa tertentu.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- I Menambah hasil kerajaan  
II Melindungi industri muda tempatan  
III Memperbaiki imbalan pembayaran  
IV Menjamin keselamatan rakyat negara

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 27 Antara berikut, yang manakah keburukan sekatan perdagangan antarabangsa?
- Pengangguran berkurang
  - Penawaran barang import jatuh
  - Pengagihan pendapatan tidak adil
  - Pengguna membayar harga yang tinggi

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 28 Pasangan yang manakah betul?

	Urusniaga	Situasi
A	Eksport Barang Nampak	Sebuah Syarikat di London membeli perisian komputer dari Negara Malaysia
B	Eksport Barang Tak Nampak	Syarikat tempatan membuat bayaran penggunaan hak cipta kepada sebuah syarikat Jepun
C	Import Barang Nampak	Sebuah pasar raya Malaysia membeli pakaian dari Amerika Syarikat
D	Import Barang Tak Nampak	Pelakon tempatan menerima bayaran upah dari negara Indonesia

- 29 Situasi yang manakah direkodkan dalam akaun pendapatan sekunder?
- Rakyat Indonesia menghantar balik wang yang bekerja di Malaysia
  - Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kepada rakyat Palestin
  - Syarikat Jepun menggunakan kapal milik Malaysia
  - Pelancong Sepanyol menginap di Hotel Malaysia

- 30 Jadual 8 menunjukkan sebahagian imbalan pembayaran Malaysia.

Butiran	RM juta
Barangan	140 000
Perkhidmatan	1 457
Pendapatan primer	-26 941
Pendapatan sekunder	-17 420
Pindahan modal	-144
Kewangan	-20 216

Jadual 8

Berapakah imbalan akaun semasa Malaysia?

- A RM 76736 juta  
B RM 76880 juta  
C RM 96952 juta  
D RM 97096 juta

- 31 Apakah kesan lebih akaun semasa?
- Produktiviti bertambah
  - Pertambahan guna tenaga
  - Permintaan yang tinggi terhadap import
  - Peningkatan pembayaran pendapatan primer

- 32 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan Ringgit Malaysia?
- Syarikat Malaysia melabur di Vietnam
  - Malaysia menerima pelancong dari China
  - India menjual rempah ratus kepada Malaysia
  - Arab Saudi memberi bantuan kepada Malaysia

- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (US).

<b>Tahun 2021</b>
USD 1: RM4.50
↓
<b>Tahun 2022</b>
USD 1: RM4.63

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- Harga barang eksport murah
- Nilai eksport dagangan menurun
- Import dari Amerika meningkat
- Pelabur Amerika di Malaysia bertambah

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Firma menghadapi masalah kekurangan buruh untuk menyiapkan projek pelaburan.  
II Firma membuat pilihan untuk memaksimumkan keuntungan.
- 35 I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan akan meningkat.  
II Hukum penawaran ditunjukkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- 36 I Peningkatan caruman pekerja dalam KWSP akan menambah pendapatan boleh guna pekerja.  
II Peningkatan caruman pekerja dalam KWSP akan menambah pendapatan masa hadapan pekerja.
- 37 I Bayaran secara tunai menggalakkan pembeli berbelanja secara berhemah.  
II Bayaran secara tunai membolehkan pembeli memperoleh harga yang lebih murah.
- 38 I Cukai tak langsung ialah sejenis cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain.  
II Cukai tak langsung ialah sejenis cukai yang dikenakan atas individu dan firma.
- 39 I Dasar fiskal dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan.  
II Dasar fiskal mengembang dilaksanakan untuk mengawal inflasi dalam negara.
- 40 I Tarif spesifik ialah cukai yang dikenakan mengikut nilai barang yang diimport.  
II Tarif spesifik menyebabkan harga barang import meningkat.